



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepc.com



SIGNIFIKASI KURSUS BERKAITAN FALSAFAH TERHADAP MAHASISWA

SIGNIFICANCE OF PHILOSOPHY-RELATED COURSES FOR UNDERGRADUATES

Habibah Artini Ramlie^{1*}, Norshahrul Marzuki Mohd Nor², Nor Fatin Syuhaidah Nayan³, Intan Nursyuhada Muhamad Nasir⁴, Wan Mohd Amjad Wan Halim⁵, Earnie Elmie Hilmi⁶

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Email: habibah_artini@ums.edu.my

² Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia
Email: norshahrul@fsk.upsi.edu.my

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Email: fatinsyuhaidah@ums.edu.my

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia
Email: intannursyuhada@uitm.edu.my

⁵ Pusat Pengajaran Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia
Email: amjadhalim@uum.edu.my

⁶ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Email: earnie@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 17.04.2025

Accepted date: 27.05.2025

Published date: 24.06.2025

To cite this document:

Ramlie, H. A., Nor, N. M. M., Nayan, N. F. S., Nasir, I. N. M., Halim, W. M. A. W., & Hilmi, E. E. (2025). Signifikasi Kursus Berkaitan Falsafah Terhadap Mahasiswa. *International*

Abstrak:

Falsafah adalah asas kepada segala ilmu pengetahuan. Penghayatan terhadap falsafah akan melahirkan individu yang menghargai fungsi akal di samping memantapkan pemahaman terhadap sesuatu perkara. Objektif kajian ini adalah untuk meninjau signifikansi kursus berkaitan falsafah terhadap pelajar yang mengambil kursus-kursus berkaitan falsafah di institusi pengajian tinggi (IPT). Bagi mendapatkan data, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan instrumen soal selidik. Seramai 515 orang pelajar yang mengambil kursus berkaitan falsafah dengan struktur kursus hampir sama di beberapa IPT awam terlibat dengan kajian ini. Dapatan yang diperolehi menunjukkan keperluan untuk menghasilkan satu modul kefahaman falsafah menerusi integrasi dan penyelarasan kurikulum kursus-kursus berkaitan falsafah. Ia diharap memberikan impak terhadap usaha melonjakkan kecemerlangan pelajar merangkumi aspek akademik dan pembangunan diri di samping membantu pelajar mencapai beberapa kemahiran *soft skills* khususnya dalam

Journal of Education, Psychology and Counseling, 10 (58), 844-860.

aspek pemikiran yang diperlukan sebagai salah satu medium untuk memformulasikan budaya intelejen di kalangan pelajar IPT.

Kata kunci:

Falsafah; Mahasiswa; Institusi Pengajian Tinggi (IPT); Pemikiran



DOI:10.35631/IJEPC.1058053

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

Abstract:

Philosophy forms the foundation of all branches of knowledge. An appreciation of philosophy nurtures individuals who value the function of reason while deepening their understanding of various matters. The objective of this study is to examine the significance of philosophy-related courses for students enrolled in such courses at institutions of higher learning. This study employed a quantitative research design using a questionnaire as the instrument. A total of 515 students enrolled in philosophy-related courses with similar course structures across several public universities participated in the study. The findings indicate the need to develop a philosophy comprehension module through the integration and coordination of curricula in philosophy-related courses. It is hoped that this will positively impact efforts to enhance student excellence, both academically and personally, while supporting the development of soft skills - particularly critical thinking - which are essential for fostering a culture of intellectualism among university students.

Keywords:

Philosophy; Undergraduates; Institutions of Higher Learning; Thinking

Pengenalan

Pemahaman serta penghayatan terhadap falsafah adalah sesuatu yang amat penting kerana ia akan melahirkan individu yang menghargai fungsi akal dalam usaha memantapkan pemahaman terhadap sesuatu perkara. Hal ini kerana falsafah mendorong seseorang untuk merenung dan menggunakan akal dalam memahami hakikat kehidupan serta persoalan mendalam mengenai beberapa perkara yang dibahaskan dalam falsafah seperti aspek realiti, pengetahuan, moral dan kewujudan (Musa, 2001). Pengenalan kursus berkaitan falsafah seperti Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) kepada semua pelajar IPT di Malaysia serta kursus Falsafah Perbandingan khususnya di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan langkah penting bagi mendedahkan generasi muda Malaysia terhadap cabaran pemikiran dan ideologi yang sedang melanda dunia ketika ini. Usaha ini sangat mendesak demi mempertahan dan mengekalkan jatidiri generasi pelapis negara dalam menghadapi gerakan ideologi global yang menisbikan segala bentuk hakikat dan kebenaran dalam kehidupan (Amran, 2019). Pengenalan kursus-kursus ini adalah selari dengan hala tuju sistem pendidikan negara yang menekankan pendidikan berasaskan nilai demi memastikan para pelajar mempunyai aras pemikiran tinggi dan berperibadi mulia. Kursus-kursus berkaitan falsafah juga ditawarkan dengan matlamat melahirkan pelajar yang mampu berfikir secara kritikal dan rasional, berhujah secara sistematik di samping bertindak secara berhikmah dalam mendepani variasi cabaran ideologi kontemporari.

Permasalahan Kajian

Kursus-kursus berkaitan falsafah dibangunkan berdasarkan matlamat pembelajaran yang perlu dicapai sejajar dengan hasrat dan tujuan kursus tersebut diperkenalkan. Namun, falsafah sering dilihat tiada arah tuju akibat dari kesamaran aplikasi atau penggunaannya dalam kehidupan. Falsafah sering difahami sebagai disiplin ilmu yang bersifat teoretikal serta dianggap ilmu yang tidak berfaedah dan membuang masa. Salah faham tersebut perlu dijelaskan melalui pemahaman terhadap makna dan tujuan falsafah kerana falsafah berpegang kepada roh kecintaan terhadap ilmu (Mohd Azhar et al., 2021). Falsafah turut dianggap sebagai kursus yang susah kerana sepanjang sejarah pemikiran manusia, tidak ramai ahli falsafah yang lahir dan tidak ramai kalangan masyarakat yang mampu memahami dan menghargai kepentingan mereka lalu menjadikan falsafah bersifat eksklusif. Walaupun begitu, perlu difahami bahawa kesan dan peranan yang dimainkan oleh falsafah adalah umum, menyeluruh serta akan dapat dinikmati oleh pelbagai anggota masyarakat jika dimasyarakatkan sebaiknya (Wan Abdullah, 2006). Ahli falsafah mencari hikmah demi hikmah dan memperkatakan tentang kebenaran demi kebenaran bukan kerana kepentingan lain (Mahmud, 1986). Tanpa falsafah, dunia akan dipenuhi dengan ideologi kebendaan dan segala falsafah yang akan dilahirkan nanti pastinya tidak lain hanya untuk 'berkhidmat' kepada fahaman kebendaan tersebut (Wan Abdullah, 2006).

Dalam konteks pembelajaran di IPT, graduan tempatan juga sering dikritik kerana lemah dalam pengetahuan semasa, kurang berfikiran kritis, tidak dapat menunjukkan kemahiran komunikasi dan tanggungjawab sosial serta kurang mempunyai sifat berdikari semasa melaksanakan tugasannya apabila memasuki alam pekerjaan. Malahan apabila graduan terdedah dengan dunia luar iaitu setelah bergraduat, pemikiran dan tingkah laku yang bersesuaian dengan situasi semasa dalam persekitaran tempat kerja dan masyarakat juga memperlihatkan kepincangan ketika berhadapan dengan persekitaran yang sentiasa berubah (Kassim et al., 2023a). Usaha ini memerlukan pembebasan ilmu dari lingkungan kegelapan dan kejahilan melalui proses dekolonialisasi ilmu dan pemautan kearifan bernuansa tempatan (Mohd Azhar et al., 2021). Oleh itu, hasrat dan objektif merakyatkan ilmu falsafah haruslah difahami dan dihayati terutamanya para pelajar yang merupakan generasi pelapis pada masa akan datang. Persepsi bahawa ilmu falsafah masih lagi bersifat 'susah' dan tidak boleh diimplimentasi dalam kehidupan haruslah dibina dengan tanggapan bahawa bahawa falsafah adalah mudah dan mempunyai kepentingan tersendiri dalam kehidupan. Tujuannya adalah bagi membina pemikiran kritis dalam kalangan pelajar dalam menilai isu-isu semasa kerana mempelajari falsafah bukanlah demi falsafah sendiri tetapi dengan tujuan untuk memahami keluasan skop dalam dunia globalisasi yang semakin mencabar.

Sorotan Literatur

Satu kajian analisis deksriptif telah dilakukan oleh Abdul Latiff et al. (2020) berhubung penerimaan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap kursus berkaitan falsafah yang ditawarkan di IPT berkenaan iaitu Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS). Kajian tersebut mendapati kebanyakan pelajar yang mengambil Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dapat menerima kursus tersebut dengan baik dan respon yang diberikan oleh mereka terhadap kursus adalah positif. Kajian Marinsah et al. (2021) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) terhadap kandungan kursus yang sama iaitu kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) menunjukkan penawaran kursus amat signifikan dalam membentuk pemikiran kritis pelajar. Hal ini dapat dilihat menerusi pendekatan kontekstualisasi untuk menjelaskan asas dan kerangka pembinaan

falsafah dalam kehidupan. Pengajaran pendekatan analisis melalui subtopik-subtopik falsafah seperti ilmu logik, psikologi, metafizik dan epistemologi juga dapat membina daya-saing pemikiran kritis semasa berbanding pendekatan dogmatik falsafah yang sekadar bertumpu kepada sejarah aliran-aliran pemikiran dalam pengajaran falsafah. Sementara itu, aplikasi dalam isu semasa ditekankan dalam aspek ideologi-relativisme pascamoden dan dekolonialisasi dengan tujuan untuk menganalisis isu semasa melalui domain analisis falsafah.

Dapatan kajian oleh Kassim et al. (2023b) turut menunjukkan pelaksanaan kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) yang juga ditawarkan di Universiti Malaya (UM) adalah berjalan dengan lancar namun memerlukan kepelbagaiannya platform untuk meningkatkan kemahiran pembelajaran dalam kalangan pelajar. Perkara ini adalah satu petunjuk positif kerana kursus ini membawa wadah pembinaan bangsa yang berorientasikan Malaysia dengan penekanan kepada usaha membentuk kemahiran kritis dalam kalangan pelajar IPT. Pembentukan akhlak dan moral turut dipupuk dalam membentuk jati diri serta sahsiah pelajar bagi mempersiapkan mereka menghadapi cabaran terutamanya selepas bergraduat (Marinsah et al., 2021). Dapatan kajian Saili et al. (2024) juga menunjukkan bahawa persepsi dan penerimaan pelajar terhadap kursus ini adalah positif dan membantu mereka untuk menjadi lebih rasional, kritis dan mampu menyelesaikan masalah dalam kehidupan dengan lebih berkesan. Selain itu, kursus berkaitan falsafah juga diyakini memainkan peranan dalam membentuk pemikiran kritis, identiti moral, dan pembangunan insan pelajar. Oleh itu, kajian oleh Ramlie et al. (2021) mencadangkan agar modul khusus berkaitan kursus falsafah dihasilkan bagi tujuan mengukuhkan lagi kefahaman pelajar terhadap aspek falsafah.

Kajian Saili et al. (2024) turut mencadangkan kajian lanjutan dijalankan berkaitan kursus falsafah untuk i) menilai impak jangka panjang kursus berkaitan falsafah terhadap pelajar, terutamanya dalam aspek aplikasi kemahiran pemikiran kritis dan nilai-nilai moral dalam konteks pekerjaan dan kehidupan sebenar, ii) mengkaji dengan lebih terperinci berhubung faktor-faktor yang mempengaruhi impak pelaksanaan kursus berkaitan falsafah untuk membantu mengenal pasti langkah penambahbaikan yang lebih khusus, dan iii) membentangkan dapatan kajian perbandingan antara kursus berkaitan falsafah dengan kursus-kursus pembangunan insan yang lain menerusi penilaian kekuatan dan kelemahan setiap kursus, serta potensi untuk integrasi atau penyelarasannya kurikulum.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics 29.0* secara deskriptif dan inferensi. Pemilihan pelajar adalah melalui persampelan bertujuan (*purposive sample*) berdasarkan kepada keperluan kajian ini. Instrumen soal selidik diedarkan menerusi 'office form' kepada seramai 515 orang pelajar yang mengambil kursus berkaitan falsafah di beberapa buah IPT tempatan mengikut kohort ditetapkan.

Dapatan dan Perbincangan

Soalselidik yang dikemukakan kepada para pelajar terbahagi kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama adalah berkaitan demografi pelajar seperti yang dipaparkan pada Jadual 1.

Jadual 1. Demografi Pelajar

Bil	Pernyataan		Jumlah	Peratus
1	Jantina	Lelaki	133	25.8%
		Perempuan	382	74.2%
2	Kursus berkaitan falsafah yang dipelajari semester ini	Kursus di IPT (W)	77	15.0%
		Kursus di IPT (X)	208	40.4%
		Kursus di IPT (Y)	130	25.2%
		Kursus di IPT (Z)	100	19.4%
3	Tahun pengajian	Tahun 1	331	64.3%
		Tahun 2	86	16.7%
		Tahun 3	37	7.2%
		Tahun 4	61	11.8%

Berdasarkan Jadual 1, pelajar yang menyertai kajian ini adalah seramai 515 orang yang terdiri daripada 133 orang pelajar lelaki (25.8%) dan 382 orang pelajar perempuan (74.2%). 331 orang (64.3%) merupakan pelajar tahun 1, seramai 86 orang (16.7%) pelajar tahun 2 diikuti 37 orang (7.2%) pelajar tahun 3 dan 61 orang (11.8%) merupakan pelajar tahun 4. Seramai 77 orang pelajar (15.0%) mengambil kursus berkaitan falsafah di IPT (W), 208 orang pelajar (40.4%) mengambil kursus falsafah di IPT (X), 130 orang pelajar (25.2%) mendaftar kursus berkaitan falsafah di IPT (Y) dan 100 orang pelajar (19.4%) mengambil kursus falsafah di IPT (Z). Seterusnya analisis topik-topik yang dipelajari dalam kursus berkaitan falsafah ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2. Topik Dipelajari dalam Kursus Berkaitan Falsafah

Bil	Pernyataan	Topik	Jumlah	Peratus
1	Apakah topik dalam kursus falsafah yang paling menarik minat anda ?	Logik	198	38.4%
		Metafizik	142	27.6%
		Epistemologi	91	17.7%
		Etika	66	12.8%
		Politik	18	3.5%
2	Apakah topik dalam kursus falsafah yang kurang menarik minat anda ?	Logik	31	6.0%
		Metafizik	104	20.2%
		Epistemologi	139	27.0%
		Etika	49	9.5%
		Politik	192	37.3%
3	Apakah topik dalam kursus falsafah yang tidak menarik minat anda ?	Logik	22	4.3%
		Metafizik	62	12.0%
		Epistemologi	97	18.8%
		Etika	42	8.2%
		Politik	292	56.7%

Kursus-kursus berkaitan falsafah yang ditawarkan di empat IPT menyenaraikan beberapa topik penting yang menjadi perbahasan utama dalam bidang falsafah. Antaranya adalah perbahasan mengenai Logik, Metafizik, Epistemologi, Etika dan Politik (Musa, 2001). Logik melibatkan kajian kebenaran sesuatu melalui inferens atau penyelidikan. Ia merujuk kepada cara berfikir dan membuat kesimpulan tentang sesuatu perkara. Pentingnya mempelajari ilmu logik adalah untuk memahami hakikat sesuatu untuk menganalisis kebenaran serta penerimaan sesuatu perkara, sama ada sesuatu itu benar atau salah, diterima atau tidak (Magnus et al., 2001). Metafizik merupakan suatu ilmu yang membahaskan tentang perkara-perkara yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar. Aspek ketuhanan merupakan pokok perbahasan dalam metafizik kerana ia melibatkan hubungan antara manusia, alam dan Tuhan (Mohamad Zain, 2018). Manakala Epistemologi membincangkan mengenai teori-teori ilmu, sifat-sifat ilmu, syarat-syarat yang membolehkan sesuatu itu dianggap sebagai ilmu, batasan-batasan ilmu serta kaedah bagaimana memperoleh ilmu pengetahuan. Epistemologi dan falsafah seterusnya berfungsi bersama dalam menyediakan asas untuk memahami aspek Etika dalam menentukan baik buruk tingkah laku manusia. Politik pula berkaitrapat dengan aspek kebebasan, keadilan, persamaan dan hak seseorang (Heywood, 2017).

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan bahawa topik yang diminati oleh pelajar dalam kursus berkaitan falsafah adalah topik berkaitan Logik (198 orang = 38.4%), diikuti topik berkaitan Metafizik (142 orang = 27.6%), Epistemologi (91 = 17.7%), Etika (66 orang = 12.8%) dan Politik (18 orang = 3.5%). Topik yang kurang diminati oleh pelajar pula adalah topik Politik (192 orang = 37.3%), diikuti topik Epistemologi (139 orang = 27.0%), Metafizik (104 orang = 20.2%), Etika (49 orang = 9.5%) dan Logik (31 orang = 6.0%). Manakala topik dalam bidang falsafah yang tidak diminati oleh pelajar adalah topik berkaitan Politik (292 orang = 56.7%), Epistemologi (97 orang = 18.8%), Metafizik (62 orang = 12.0%), Etika (42 orang = 8.2%) dan Logik (22 orang = 4.3%). Manakala analisis kefahaman pelajar berhubung konsep asas falsafah yang dipelajari dinyatakan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Kefahaman Asas Falsafah

Bil	Pernyataan	Sangat Tidak Faham	Tidak Faham	Kurang Faham	Faham	Sangat Faham	Nilai Min	Sisihan Piawai
1	Sejauhmanakah anda memahami konsep asas falsafah yang dipelajari ?	2 0.4%	3 0.6%	61 11.8%	382 74.2%	67 13.0%	3.988 3	0.5543 1

Dapatan Jadual 3 menunjukkan seramai 2 orang pelajar (0.4%) 'sangat tidak faham', 3 orang pelajar (0.6%) 'tidak faham', 61 orang pelajar (11.8%) 'kurang faham', 382 orang pelajar (74.2%) 'faham' dan 67 orang pelajar (13.0%) menyatakan bahawa mereka 'sangat faham' konsep asas falsafah yang dipelajari dengan nilai min 3.9883 dan nilai sisihan piawai keseluruhan sebanyak 0.55431.

Seterusnya dalam perbincangan dapatan kepentingan mempelajari falsafah, tinjauan menunjukkan pelajar memberikan respon yang pelbagai. Jadual 4 merupakan pernyataan-pernyataan yang diajukan kepada para pelajar dalam borang soalselidik berpandukan skala ‘Sangat Tidak Setuju’, ‘Tidak Setuju’, ‘Kurang Setuju’, ‘Setuju’ dan ‘Sangat Setuju’.

Jadual 4. Pernyataan Kepentingan Mempelajari Falsafah

Bil	Pernyataan
1	Berdasarkan pandangan anda, falsafah adalah suatu bidang untuk menjawab persoalan-persoalan mencabar dalam kehidupan seseorang berlandaskan hikmah.
2	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana penghayatan terhadap falsafah akan mendorong seseorang untuk menghargai fungsi akal.
3	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana falsafah mendorong seseorang untuk menggunakan akal dalam memahami hakikat kehidupan.
4	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana falsafah membantu meningkatkan kemahiran pemikiran kritikal seseorang.
5	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana falsafah membantu seseorang untuk berhujah secara analitik dan sistematis.
6	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana falsafah menyumbang dalam pembentukan keintelektualan yang tinggi.
7	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana falsafah menyumbang dalam pembentukan akhlak dan moral sahsiah seseorang.
8	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana falsafah mendorong seseorang bertindak secara berhemah dalam mendepani kepelbagai cabaran ideologi semasa.
9	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana falsafah membantu seseorang untuk menangkis serangan ideologi songsang masa kini.
10	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana pemahaman terhadap falsafah akan mengukuhkan integriti seseorang.
11	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana bidang falsafah mempunyai ciri-ciri serta nilai dan budaya watan yang akan melahirkan bakat negara bercirikan ' <i>Excellence with a Soul</i> '.
12	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana tanpa falsafah, dunia akan hanya dipenuhi dengan fahaman-fahaman berbentuk kebendaan semata-mata.
13	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting dan perlu dikekalkan pada peringkat pengajian tinggi.
14	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting dan perlu dimulakan pada peringkat persekolahan menengah.

Berikutnya adalah Jadual 5 sehingga Jadual 20 yang memaparkan dapatan kajian.

Jadual 5. Pernyataan 'Berdasarkan Pandangan Anda, Falsafah Adalah Suatu Bidang Untuk Menjawab Persoalan-Persoalan Mencabar Dalam Kehidupan Seseorang Berlandaskan Hikmah'

Skala	Jumlah	%
Sangat Tidak Setuju	2	0.4%
Tidak Setuju	5	1.0%
Kurang Setuju	11	2.1%
Setuju	314	61.0%
Sangat Setuju	183	35.5%
Nilai Min	4.3029	
Sisihan Piawai	0.59952	

Untuk pernyataan di atas, Jadual 5 menunjukkan seramai 2 orang pelajar (0.4%) ‘Sangat Tidak Setuju’ dengan pernyataan tersebut, diikuti dengan 5 orang pelajar (1.0%) ‘Tidak Setuju’, 11 orang pelajar (2.1%) ‘Kurang Setuju’, 314 orang pelajar (61.0%) ‘Setuju’ dan 183 orang pelajar (35.5%) ‘Sangat Setuju’ dengan nilai min 4.3029 dan sisihan piawai keseluruhan sebanyak 0.59952.

Jadual 6. Pernyataan 'Pembelajaran Bidang Falsafah Adalah Sangat Penting Kerana Penghayatan Terhadap Falsafah Akan Mendorong Seseorang Untuk Menghargai Fungsi Akal'

Skala	Jumlah	%
Sangat Tidak Setuju	3	0.6%
Tidak Setuju	1	0.2%
Kurang Setuju	5	1.0%
Setuju	232	45.0%
Sangat Setuju	274	53.2%
Nilai Min	4.5010	
Sisihan Piawai	0.59300	

Untuk pernyataan tersebut, Jadual 6 menunjukkan seramai 3 orang pelajar (0.6%) ‘Sangat Tidak Setuju’ dengan pernyataan tersebut, diikuti dengan 1 orang pelajar (0.2%) ‘Tidak Setuju’, 5 orang pelajar (1.0%) ‘Kurang Setuju’, 232 orang pelajar (45.0%) ‘Setuju’ dan 274 orang pelajar (53.2%) ‘Sangat Setuju’ dengan nilai min 4.5010 dan sisihan piawai keseluruhan sebanyak 0.59300.

Jadual 7. Pernyataan 'Pembelajaran Bidang Falsafah Adalah Sangat Penting Kerana Falsafah Mendorong Seseorang Untuk Menggunakan Akal Dalam Memahami Hakikat Kehidupan'

Skala	Jumlah	%
Tidak Setuju	2	0.4%
Kurang Setuju	8	1.6%
Setuju	219	42.5%
Sangat Setuju	286	55.5%
Nilai Min	4.5320	
Sisihan Piawai	0.55130	

Untuk pernyataan di atas, Jadual 7 menunjukkan seramai 2 orang pelajar (0.4%) ‘Tidak Setuju’ dengan pernyataan tersebut, 8 orang pelajar (1.6%) ‘Kurang Setuju’, 219 orang pelajar (42.5%) ‘Setuju’ dan 286 orang pelajar (55.5%) ‘Sangat Setuju’ dengan nilai min 4.5320 dan sisihan piawai keseluruhan sebanyak 0.55130.

Jadual 8. Pernyataan ’Pembelajaran Bidang Falsafah Adalah Sangat Penting Kerana Falsafah Membantu Meningkatkan Kemahiran Pemikiran Kritikal Seseorang’

Skala	Jumlah	%
Sangat Tidak Setuju	1	0.2%
Tidak Setuju	2	0.4%
Kurang Setuju	4	0.8%
Setuju	233	45.2%
Sangat Setuju	275	53.4%
Nilai Min	4.5126	
Sisihan Piawai	0.55909	

Untuk pernyataan di atas, Jadual 8 menunjukkan seramai 1 orang pelajar (0.2%) ‘Sangat Tidak Setuju’ dengan pernyataan tersebut, diikuti dengan 2 orang pelajar (0.4%) ‘Tidak Setuju’, 4 orang pelajar (0.8%) ‘Kurang Setuju’, 233 orang pelajar (45.2%) ‘Setuju’ dan 275 orang pelajar (53.4%) ‘Sangat Setuju’ dengan nilai min 4.5126 dan sisihan piawai keseluruhan sebanyak 0.55909.

Jadual 9. Pernyataan ’Pembelajaran Bidang Falsafah Adalah Sangat Penting Kerana Falsafah Membantu Seseorang Untuk Berhujah Secara Analitik Dan Sistematik’

Skala	Jumlah	%
Tidak Setuju	1	0.2%
Kurang Setuju	5	1.0%
Setuju	255	49.5%
Sangat Setuju	254	49.3%
Nilai Min	4.4796	
Sisihan Piawai	0.53028	

Untuk pernyataan tersebut, Jadual 9 menunjukkan seramai 1 orang pelajar (0.2%) ‘Tidak Setuju’, 5 orang pelajar (1.0%) ‘Kurang Setuju’, 255 orang pelajar (49.5%) ‘Setuju’ dan 254 orang pelajar (49.3%) ‘Sangat Setuju’ dengan nilai min 4.4796 dan sisihan piawai keseluruhan sebanyak 0.53028.

Jadual 10. Pernyataan ’Pembelajaran Bidang Falsafah Adalah Sangat Penting Kerana Falsafah Menyumbang Dalam Pembentukan Keintelektualan Yang Tinggi’

Skala	Jumlah	%
Sangat Tidak Setuju	1	0.2%
Tidak Setuju	2	0.4%
Kurang Setuju	8	1.6%
Setuju	244	47.4%
Sangat Setuju	260	50.5%
Nilai Min	4.4757	
Sisihan Piawai	0.57247	

Untuk pernyataan di atas, Jadual 10 menunjukkan seramai 1 orang pelajar (0.2%) ‘Sangat Tidak Setuju’ dengan pernyataan tersebut, diikuti dengan 2 orang pelajar (0.4%) ‘Tidak Setuju’, 8 orang pelajar (1.6%) ‘Kurang Setuju’, 244 orang pelajar (47.4%) ‘Setuju’ dan 260 orang pelajar (50.5%) ‘Sangat Setuju’ dengan nilai min 4.4757 dan sisihan piawai keseluruhan sebanyak 0.57247.

Jadual 11. Pernyataan ’Pembelajaran Bidang Falsafah Adalah Sangat Penting Kerana Falsafah Menyumbang Dalam Pembentukan Akhlak Dan Moral Sahsiah Seseorang

Skala	Jumlah	%
Sangat Tidak Setuju	1	0.2%
Tidak Setuju	2	0.4%
Kurang Setuju	5	1.0%
Setuju	233	45.2%
Sangat Setuju	274	53.2%
Nilai Min	4.5087	
Sisihan Piawai	0.56263	

Untuk pernyataan di atas, Jadual 11 menunjukkan seramai 1 orang pelajar (0.2%) ‘Sangat Tidak Setuju’ dengan pernyataan tersebut, diikuti dengan 2 orang pelajar (0.4%) ‘Tidak Setuju’, 5 orang pelajar (1.0%) ‘Kurang Setuju’, 233 orang pelajar (45.2%) ‘Setuju’ dan 274 orang pelajar (53.2%) ‘Sangat Setuju’ dengan nilai min 4.5087 dan sisihan piawai keseluruhan sebanyak 0.56263.

Jadual 12. Pernyataan ’Pembelajaran Bidang Falsafah Adalah Sangat Penting Kerana Falsafah Mendorong Seseorang Bertindak Secara Berhemah Dalam Mendepani Kepelbagai Cabaran Ideologi Semasa’

Skala	Jumlah	%
Sangat Tidak Setuju	1	0.2%
Tidak Setuju	3	0.6%
Kurang Setuju	10	1.9%
Setuju	242	47.0%
Sangat Setuju	259	50.3%
Nilai Min	4.4660	
Sisihan Piawai	0.58873	

Untuk pernyataan di atas, Jadual 12 menunjukkan seramai 1 orang pelajar (0.2%) ‘Sangat Tidak Setuju’ dengan pernyataan tersebut, diikuti dengan 3 orang pelajar (0.6%) ‘Tidak Setuju’, 10 orang pelajar (1.9%) ‘Kurang Setuju’, 242 orang pelajar (47.0%) ‘Setuju’ dan 259 orang pelajar (50.3%) ‘Sangat Setuju’ dengan nilai min 4.4460 dan sisihan piawai keseluruhan sebanyak 0.58873.

Jadual 13. Pernyataan 'Pembelajaran Bidang Falsafah Adalah Sangat Penting Kerana Falsafah Membantu Seseorang Untuk Menangkis Serangan Ideologi Songsang Masa Kini'

Skala	Jumlah	%
Sangat Tidak Setuju	1	0.2%
Tidak Setuju	3	0.6%
Kurang Setuju	15	2.9%
Setuju	235	45.6%
Sangat Setuju	261	50.7%
Nilai Min	4.4602	
Sisihan Piawai	0.60467	

Untuk pernyataan di atas, Jadual 13 menunjukkan seramai 1 orang pelajar (0.2%) 'Sangat Tidak Setuju' dengan pernyataan tersebut, diikuti dengan 3 orang pelajar (0.6%) 'Tidak Setuju', 15 orang pelajar (2.9%) 'Kurang Setuju', 235 orang pelajar (45.6%) 'Setuju' dan 261 orang pelajar (50.7%) 'Sangat Setuju' dengan nilai min 4.4602 dan sisihan piawai keseluruhan sebanyak 0.60467.

Jadual 14. Pernyataan 'Pembelajaran Bidang Falsafah Adalah Sangat Penting Kerana Pemahaman Terhadap Falsafah Akan Mengukuhkan Integriti Seseorang'

Skala	Jumlah	%
Tidak Setuju	1	0.2%
Kurang Setuju	6	1.2%
Setuju	257	49.9%
Sangat Setuju	251	48.7%
Nilai Min	4.4718	
Sisihan Piawai	0.53358	

Untuk pernyataan di atas, Jadual 14 menunjukkan seramai 1 orang pelajar (0.2%) 'Tidak Setuju' dengan pernyataan tersebut, diikuti dengan 6 orang pelajar (1.2%) 'Kurang Setuju', 257 orang pelajar (49.9%) 'Setuju' dan 251 orang pelajar (48.7%) 'Sangat Setuju' dengan nilai min 4.4718 dan sisihan piawai keseluruhan sebanyak 0.53358.

Jadual 15. Pernyataan 'Pembelajaran Bidang Falsafah Adalah Sangat Penting Kerana Bidang Falsafah Mempunyai Ciri-Ciri Serta Nilai Dan Budaya Watan Yang Akan Melahirkan Bakat Negara Bercirikan 'Excellence With A Soul'

Skala	Jumlah	%
Sangat Tidak Setuju	2	0.4%
Tidak Setuju	1	0.2%
Kurang Setuju	12	2.3%
Setuju	282	54.8%
Sangat Setuju	218	42.3%
Nilai Min	4.3845	
Sisihan Piawai	0.58495	

Untuk pernyataan di atas, Jadual 15 menunjukkan seramai 2 orang pelajar (0.4%) ‘Sangat Tidak Setuju’ dengan pernyataan tersebut, diikuti dengan 1 orang pelajar (0.2%) ‘Tidak Setuju’, 12 orang pelajar (2.3%) ‘Kurang Setuju’, 282 orang pelajar (54.8%) ‘Setuju’ dan 218 orang pelajar (42.3%) ‘Sangat Setuju’ dengan nilai min 4.3845 dan sisihan piawai keseluruhan sebanyak 0.58495.

Jadual 16. Pernyataan ’Pembelajaran Bidang Falsafah Adalah Sangat Penting Kerana Tanpa Falsafah, Dunia Akan Hanya Dipenuhi Dengan Fahaman-Fahaman Berbentuk Kebendaan Semata-Mata’

Skala	Jumlah	%
Sangat Tidak Setuju	3	0.6%
Tidak Setuju	4	0.8%
Kurang Setuju	18	3.5%
Setuju	252	48.9%
Sangat Setuju	238	46.2%
Nilai Min	0.43942	
Sisihan Piawai	0.65271	

Untuk pernyataan di atas, Jadual 16 menunjukkan seramai 3 orang pelajar (0.6%) ‘Sangat Tidak Setuju’ dengan pernyataan tersebut, diikuti dengan 4 orang pelajar (0.8%) ‘Tidak Setuju’, 18 orang pelajar (3.5%) ‘Kurang Setuju’, 252 orang pelajar (48.9%) ‘Setuju’ dan 238 orang pelajar (46.2%) ‘Sangat Setuju’ dengan nilai min 0.43942 dan sisihan piawai keseluruhan sebanyak 0.65271.

Jadual 17. Pernyataan ’Pembelajaran Bidang Falsafah Adalah Sangat Penting Dan Perlu Dikekalkan Pada Peringkat Pengajian Tinggi’

Skala	Jumlah	%
Sangat Tidak Setuju	2	0.4%
Tidak Setuju	3	0.6%
Kurang Setuju	7	1.4%
Setuju	232	45.0%
Sangat Setuju	271	52.6%
Nilai Min	4.4893	
Sisihan Piawai	0.59943	

Untuk pernyataan tersebut, Jadual 17 menunjukkan seramai 2 orang pelajar (0.4%) ‘Sangat Tidak Setuju’ dengan pernyataan tersebut, diikuti dengan 3 orang pelajar (0.6%) ‘Tidak Setuju’, 7 orang pelajar (1.4%) ‘Kurang Setuju’, 232 orang pelajar (45.0%) ‘Setuju’ dan 271 orang pelajar (52.6%) ‘Sangat Setuju’ dengan nilai min 4.4893 dan sisihan piawai keseluruhan sebanyak 0.59943.

Jadual 18. Pernyataan 'Pembelajaran Bidang Falsafah Adalah Sangat Penting Dan Perlu Dimulakan Pada Peringkat Persekolahan Menengah'

Skala	Jumlah	%
Sangat Tidak Setuju	3	0.6%
Tidak Setuju	3	0.6%
Kurang Setuju	31	6.0%
Setuju	267	51.8%
Sangat Setuju	211	41.0%
Nilai Min	4.3204	
Sisihan Piawai	0.66622	

Untuk pernyataan di atas, Jadual 18 menunjukkan seramai 3 orang pelajar (0.6%) 'Sangat Tidak Setuju' dengan pernyataan tersebut, diikuti dengan 3 orang pelajar (0.6%) 'Tidak Setuju', 31 orang pelajar (6.0%) 'Kurang Setuju', 267 orang pelajar (51.8%) 'Setuju' dan 211 orang pelajar (41.0%) 'Sangat Setuju' dengan nilai min 4.3204 dan sisihan piawai keseluruhan sebanyak 0.66622.

Dapatan kajian menunjukkan semua pernyataan mempunyai nilai min yang tinggi. Ia menjadi indikator bahawa falsafah begitu signifikan dan amat penting untuk dipelajari oleh pelajar. Apabila keseluhan dapatan disusun mengikut keutamaan, maka kepentingan mempelajari falsafah adalah seperti yang dipaparkan pada Jadual 19.

Jadual 19. Kepentingan Mempelajari Falsafah Mengikut Keutamaan

Bil	Pernyataan	Nilai Min
1	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana falsafah mendorong seseorang untuk menggunakan akal dalam memahami hakikat kehidupan.	4.5320
2	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana falsafah membantu meningkatkan kemahiran pemikiran kritis seseorang.	4.5126
3	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana falsafah menyumbang dalam pembentukan akhlak dan moral sahsiah seseorang.	4.5087
4	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana penghayatan terhadap falsafah akan mendorong seseorang untuk menghargai fungsi akal.	4.5010
5	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting dan perlu dikekalkan pada peringkat pengajian tinggi.	4.4893
6	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana falsafah membantu seseorang untuk berhujah secara analitik dan sistematik.	4.4796
7	Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana falsafah menyumbang dalam pembentukan keintelektualan yang tinggi.	4.4757

- | | | |
|----|--|--------|
| 8 | Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana pemahaman terhadap falsafah akan mengukuhkan integriti seseorang. | 4.4718 |
| 9 | Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana falsafah mendorong seseorang bertindak secara berhemah dalam mendepani kepelbagaiannya cabaran ideologi semasa. | 4.4660 |
| 10 | Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana falsafah membantu seseorang untuk menangkis serangan ideologi songsang masa kini. | 4.4602 |
| 11 | Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana tanpa falsafah, dunia akan hanya dipenuhi dengan fahaman-fahaman berbentuk kebendaan semata-mata. | 4.3942 |
| 12 | Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting kerana bidang falsafah mempunyai ciri-ciri serta nilai dan budaya watan yang akan melahirkan bakat negara bercirikan ' <i>Excellence with a Soul</i> '. | 4.3845 |
| 13 | Pembelajaran bidang falsafah adalah sangat penting dan perlu dimulakan pada peringkat persekolahan menengah. | 4.3204 |
| 14 | Berdasarkan pandangan anda, falsafah adalah suatu bidang untuk menjawab persoalan-persoalan mencabar dalam kehidupan seseorang berlandaskan hikmah. | 4.3029 |
-

Seterusnya dapatan kajian menunjukkan bahawa kursus berkaitan falsafah amat signifikan kepada pelajar apabila kesemua pernyataan dalam soal selidik dipecahkan kepada dua kategori utama iaitu mengasah pemikiran dan membentuk jatidiri seperti yang ditunjukkan pada Jadual 20.

Jadual 20. Signifikasi Mempelajari Falsafah

Mengasah Pemikiran dan Intelektual	Membentuk Jatidiri Berdaya Maju
Mendorong seseorang untuk menggunakan akal dalam memahami hakikat kehidupan.	Menyumbang dalam pembentukan akhlak dan moral sahsiah seseorang.
Membantu meningkatkan kemahiran pemikiran kritis seseorang.	Mengukuhkan integriti seseorang.
Mendorong seseorang untuk menghargai fungsi akal.	Mendorong seseorang bertindak secara berhemah dalam mendepani kepelbagaiannya cabaran ideologi semasa.

Membantu seseorang untuk berhujah secara analitik dan sistematik.

Membantu seseorang untuk menangkis serangan ideologi songsang masa kini.

Menyumbang dalam pembentukan keintelektualan yang tinggi.

Melahirkan bakat negara bercirikan '*excellence with a soul*'.

Perlu ditekankan bahawa mengasah pemikiran dan intelektual serta membentuk jatidiri merupakan dua perkara penting dalam mempelajari falsafah kerana falsafah itu sendiri sifatnya adalah menjangkaui pengetahuan manusia (Sajjad, 2012). Ia selari dengan hala tuju Kementerian Pengajian Tinggi 2024 yang antaranya menggariskan fokus kecemerlangan akademik dan sahsiah meliputi perkembangan ilmu, pembentukan karakter, pemurnian adab dan akhlak serta pengukuhan integriti di samping menyemai nilai-nilai kemanusiaan, etika dan moral pelajar. Penekanan ini akan dapat memastikan generasi pelapis masa hadapan negara bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran, malah mempunyai nilai peribadi dan ketrampilan yang tinggi. Hal ini kerana dalam konteks yang lebih luas, falsafah memainkan peranan penting dalam usaha membentuk insan yang holistik yang mempunyai keintelektualan dan nilai budi pekerti tinggi sebagai asas pembinaan tamadun manusia yang sejahtera (Mohd Azhar et al., 2021). Para pelajar perlu mempelajari falsafah bukan semata-mata demi falsafah itu sendiri tetapi juga agar lebih memahami keluasan skop falsafah dalam konteks isu semasa. Falsafah menyediakan ruang untuk merungkai segala persoalan dalam kehidupan. Bahkan makna falsafah itu adalah cintakan hikmah dan aspek kesejahteraan dalam hidup juga adalah berlandaskan hikmah. Menerusi falsafah, seseorang individu akan mampu untuk menilai sebarang idea mahupun pandangan mengenai sesuatu perkara secara lebih mendalam. Pemahaman bidang falsafah juga secara tidak langsung akan membantu individu membentuk identiti menerusi cara berfikir kerana pemikiran merupakan asas untuk seseorang memahami dirinya sendiri (Musa, 2001).

Oleh itu, berpandukan dapatan akhir kajian, penulisan ini mencadangkan penghasilan satu modul kefahaman falsafah menerusi integrasi kategori yang terhasil sebagai langkah awal untuk memupuk dan mengukuhkan lagi minat pelajar terhadap bidang falsafah. Komponen modul yang dicadangkan merangkumi perincian pernyataan yang terkandung dalam soal selidik. Ia diikuti dengan kupasan elemen konsep falsafah Islam dan Barat serta perbezaan antara kedua-dua kerangka falsafah. Tujuannya adalah untuk memberikan kefahaman yang jelas mengenai konsep kedua-dua falsafah tersebut menerusi perbandingan dan kupasan ilmiah tentang persoalan ketuhanan, insan, akal serta alam di samping membincangkan isu-isu yang berkaitan. Ini menjadikan cadangan pembangunan modul ini sedikit berbeza dengan modul sedia ada di mana-mana IPT. Hal ini kerana pengkaji melihat potensi kursus-kursus berkaitan falsafah untuk diharmonikan menerusi satu modul khusus yang boleh dibangunkan dan digunakan secara meluas oleh pelajar bagi memantapkan lagi kefahaman tentang aspek falsafah. Modul yang dihasilkan juga dijangka akan menjadi nilai tambah kandungan kursus bagi menarik minat pelajar di samping memastikan kursus ini terus kompeten sebagai salah satu medium untuk membentuk budaya pemikiran inteligen di kalangan pelajar selaras dengan '*nature*' kursus berteraskan falsafah yang menekankan kaedah berfikir secara kritikal dan rasional, penghujahan sistematik serta tindakan responsif yang berhikmah.

Kesimpulan

Sebagai rumusan, bidang falsafah adalah satu cabang ilmu berkaitan aspek pemikiran dan kehidupan. Menerusi falsafah, pelajar akan mampu melakukan analisis, menentukan kebenaran serta mencari penyelesaian terhadap sebarang permasalahan yang timbul ke arah mencapai matlamat kesejahteraan hidup. Kefahaman yang jelas terhadap persoalan falsafah akan memberi natijah ke arah pemupukan semangat dan minat para pelajar untuk mengikuti kursus-kursus berkaitan falsafah. Justeru apa yang diharapkan adalah agar para pelajar terus menghayati kepentingan mempelajari kursus-kursus berkaitan falsafah bagi mengukuhkan kefahaman terhadap aspek falsafah serta mempraktikkannya dalam kehidupan seharian secara holistik.

Penghargaan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan bagi Geran Dana Kluster yang dibiayai Universiti Malaysia Sabah bertajuk 'Pembinaan Modul Kefahaman Falsafah Untuk Pelajar Institusi Pengajian Tinggi' (DKP0106). Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah yang telah memberi peruntukan dan membayai penyelidikan ini .

Rujukan

- Abdul Latiff, L., Mohd Mokhtar, R.A., & Mohad, A.H. (2020). Penerimaan Pelajar USIM Terhadap Kursus Falsafah dan Isu Semasa: Satu Analisis Deskriptif. E-Proceeding. Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2020). 3rd International Seminar on Islam and Science 2020 (SAIS 2020) Covid-19: Implication, Impact and Solution. 15 Okt 2020. Nilai, Negeri Sembilan.
- Amran Muhammad. (2019). Kursus Falsafah dan Isu Semasa : Ke Arah Pembaharuan Pemikiran Masyarakat Malaysia Dalam Menghadapi Cabaran Ideologi Semasa. Islamic & Strategic Studies Institute (ISSI). Diakses pada 19 Disember 2024 daripada <https://www.facebook.com/ISSIMalaysia/posts/kursus-falsafah-dan-isu-semasa-ke-arah-pembaharuan-pemikiran-masyarakat-malaysia/3293420457399329/>
- Heywood, A. (2017). Political Ideologies an Introduction. London : Palgrave.
- Kassim, F., Mat Noor, N.A., Abdul Azzis, M.S, Yong, I.S.C., Ramli, M.R., & Hanafi, F. (2023b). Pelaksanaan dan Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa dalam Kalangan Pelajar di Universiti Malaya. Sains Insani, 8(1) : 15-24.
- Kassim, F., Ramli, M.R., Mat Noor, N.A., Yong, I.S.C., & Abdul Azzis, M.S. (2023a). Peranan Kursus Falsafah Dan Isu Semasa Dalam "Menyempurnakan" Pelajar: Kajian Di Universiti Malaya. Asian People Journal, 6(2) : 35-46.
- Magnus, P.D., Button, T., Loftis, J.R., Trueman, R., Thomas-Bolduc, A., & Zach. R. (2020). *forall x: Calgary an Introduction to Formal Logic*. University of Calgary : Taylor Institute for Teaching and Learning.
- Mahmud Hamd Zaqquq, M.H. (1986). Tamhid Al-Falsafah. Kaherah. Maktabah al-Misriyyah.
- Marinash, S.A., Abang Muis, A.M.R., Esa, M.S., Othman, I.W., Ramlie, H.A., Mokhtar, S., & Yusoff, M.S. (2021). Pengajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam Membentuk Pemikiran Kritis: Penelitian Terhadap Modul Kursus FIS di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah. International Journal of Education, Psychology and Counseling, 6(39) : 137-149.

- Marinsah, S.A., Ramlie, H.A., Hajimin, M.N.H., & Othman, I.W. (2022). Signifikan Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam Pembentukan Akhlak dan Moral di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(4): 127-136.
- Mohamad Zain, S. (2018). Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains. Bangi : Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI).
- Mohd Azhar, M.H., Khalid Ismail, K., Zulkifli, A.S., Wan Halim, W.A.M., Mohd Fadzil, A.Z., Aurani, J., Abd Ghani, Basri., Ismail, C.L., Mohamed Noo A., & Johari, J. (2021). Wacana Dekolonisasi Ilmu Dan Pembentukan Kearifan Tempatan Melalui Kursus Falsafah Dan Isu Semasa. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 8(1) : 65-83.
- Musa, H. (2001). Falsafah, Logik, Teori Nilai dan Etika Melayu. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ramlie, H. A, Marinsah, S.A., Mokhtar, S., Esa, M.S., Mohd Shah, M.K., Mohd. Nor, N.M., & Kaspin, K.G. (2021). Penelitian Awal Aspek Kefahaman Pelajar Terhadap Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS): Tinjauan di Universiti Malaysia Sabah (UMS). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39) : 150-165.
- Saili, J., Mustapa, M., & Arishin, S. S. A. (2024). Meta Analisis Kajian Falsafah Dan Isu Semasa (FIS) Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *Quantum Journal of Social Sciences And Humanities*, 5(4) : 251-263.
- Sajjad H. Rizvi. (2012). Philosophy As a Way of Life in The World of Islam : Applying Hadot to The Study of Mulla Sadra Shirazi (1635). *Bulletin of School of Oriental and African Studies*. 75 (1) : 33-45.
- Wan Abdullah, W.S. (2006). Pengajian Falsafah Islam di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia: Sukatan, Masalah dan Cabaran Pengajian. Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam, 7(1) : 197-226.